

Kebersihan bermula dari rumah

Baca petikan kemudian jawab soalan

Fatin sangat **mementingkan** kebersihan diri. Fatin mandi **menggunakan** sabun untuk **menghilangkan** kekotoran dan mewangikan badan.

Sebelum makan, fatin **memastikan** tangannya **dibasuh**. Selepas makan Fatin **menggosok** gigi untuk **menghilangkan** sisa makanan. Gigi Fatin sangat cantik dan bersih.

Fatin **menjaga** kebersihan dirinya supaya dia sentiasa sihat. Badan sihat **menjadikan** Fatin cergas dan cerdas.



No	Perkataan	Kata dasar	imbuhan
1	Mementingkan		
2	Menggunakan		
3	Menghilangkan		
4	Memastikan		
5	Dibasuh		
6	Menggosok		
7	Menjaga		
8	Menjadikan		